

# 5,000 sertai Matrix Malaysia Day Night Half Marathon 2024

**SEREMBAN:** Lebih 5,000 orang peserta menyertai acara Matrix Malaysia Day Night Half Marathon 2024 yang dianjurkan syarikat pemaju perumahan dan hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) di Bandar Sri Sendayan, di sini semalam.

Ia diadakan bersempena sambutan Hari Malaysia dengan pertandingan itu melibatkan tiga kategori iaitu kategori larian lima kilometer, 10 kilometer dan

21.1 kilometer.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun yang turut hadir berkata, kesatuan rakyat yang kukuh dan harmoni dilihat dapat diwujudkan menerusi penganjuran acara sedemikian.

“Saya yakin acara ini mampu membentuk satu kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif dan selaras dengan Hari Malaysia yang kita sambut. Acara ini adalah bukti kekuatan komuniti setempat dan sema-

ngat kebersamaan yang mende-finisikan negara kita.

“Berikutan itu, saya ingin menyeru agar sambutan Hari Malaysia perlu dijadikan asas untuk memperingati, menghayati dan memahami sejarah penubuhan Persekutuan Malaysia,” kata beliau lagi.

Aminuddin turut tidak ketinggalan memeriahkan acara dengan berkesempatan menyertai kategori VIP Night Run satu kilometer.



**AMINUDDIN** Harun (tengah) bergambar bersama peserta Matrix Malaysia Day Night Half Marathon 2024 di Bandar Sri Sendayan, Seremban semalam. - IHSAN MEDIA MBNS